



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**  
**ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION (EAIC)**  
Aras 5, Blok Menara, Bangunan Menara Usahawan  
No.18, Persiaran Perdana, Presint 2  
62652 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-8880 5650  
Faks (Fax): 603-8880 5646  
Laman Web (Web): [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my)

## **SIARAN MEDIA**

### **PROGRAM E.R.A.T (ENCOURAGING RESPONSIBILITY, ACCOUNTABILITY, TRUSTWORTHINESS) SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC) BERSAMA DENGAN MASYARAKAT DI MELAKA**

**Ayer Keroh, Melaka 11 Mei 2023** – Program ERAT EAIC bersama dengan Masyarakat hari ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang awam mengenai fungsi dan peranan EAIC. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Maslina Baki, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) bertempat di Dewan Grand Ballroom, Melaka International Trade Centre (MITC).

ERAT EAIC bersama dengan Masyarakat yang diadakan dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka telah dihadiri oleh 600 orang peserta terdiri daripada Ketua Jabatan Agensi Penguatkuasaan di bawah seliaan EAIC, antaranya seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Program ini turut dihadiri oleh ahli-ahli jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasian Dewan Undangan Negeri (JAPERUN), Pegawai-Pegawai Daerah, Penghulu-Penghulu Mukim dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK).

Objektif utama program adalah untuk mengadakan ruang masyarakat dan orang ramai dalam melaporkan salah laku pegawai penguat kuasa, meningkatkan akauntabiliti agensi penguatkuasaan dan memupuk kepercayaan masyarakat terhadap EAIC dalam usaha membanteras salah laku pegawai penguat kuasa dan membudayakan integriti dalam perkhidmatan awam.

Menerusi usaha merakyatkan perkhidmatan EAIC selaku badan pengawasan integriti itu, EAIC memohon agar masyarakat bersama-sama prihatin terhadap isu-isu berkaitan salah laku dan penyalahgunaan kuasa dalam perkhidmatan awam khususnya dalam kalangan pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan.

Aktiviti promosi ERAT EAIC akan menemui orang ramai di Melaka selama tiga (3) hari bermula dari 10 Mei 2023 hingga 13 Mei 2023 melibatkan beberapa buah lokasi utama tumpuan umum iaitu—

BIL.	TARIKH	PROGRAM / AKTIVITI	TEMPAT	MASA
1.	11 Mei 2023 (Khamis)	SEMBANG SANTAI ERAT EAIC BERSAMA DENGAN MASYARAKAT	Melaka Sentral	3.30 petang – 6.30 petang
			Kompleks Mydin Ayer Keroh	
			Kompleks UTC, Ayer Keroh	
2.	12 Mei 2023 (Jumaat)	ERAT EAIC BERSAMA DENGAN MAHASISWA	Universiti Melaka, Kuala Sungai Baru	10.00 pagi – 12.00 tengah hari
		SEMBANG SANTAI ERAT EAIC BERSAMA DENGAN MASYARAKAT	Pengkalan Balak	3.30 petang – 6.30 petang
			Pantai Klebang	
3.	13 Mei 2023 (Sabtu)	SEMBANG SANTAI ERAT EAIC BERSAMA DENGAN MASYARAKAT	Pantai Tanjung Bidara	
			Bandar Hilir	9.30 pagi – 12.30 tengah hari
			Dataran Pahlawan	
			Kompleks Mydin Jasin	



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**  
**ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION (EAIC)**  
Aras 5, Blok Menara, Bangunan Menara Usahawan  
No.18, Persiaran Perdana, Presint 2  
62652 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-8880 5650  
Faks (Fax): 603-8880 5646  
Laman Web (Web): [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my)

Orang ramai dijemput hadir ke lokasi-lokasi di atas untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai fungsi dan peranan EAIC di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] dan mengutarakan isu-isu berkaitan aduan salah laku pegawai penguat kuasa atau agensi penguatkuasaan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Urus Setia EAIC di talian pertanyaan 019 383 1915 atau 010 547 6697.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

**BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT**  
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)

EAIC adalah sebuah badan berkanun Persekutuan yang ditubuhkan melalui Akta Parlimen bertanggungjawab memantau dan menjalankan siasatan terhadap aduan orang ramai mengenai salah laku penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700].

---

TEGAS      TELUS      EFISIEN